

Perpaduan teras manifesto BN

12 NOV 1999

GENTING HIGHLANDS 11 Nov. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perpaduan rakyat dan pembangunan negara merupakan antara tumpuan manifesto Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum ke-10.

Beliau berkata, perjuangan itu sudah menjadi tradisi sejak BN

diwujudkan sehingga memimpin Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

“Perlu ditegaskan berulang-ulang kali bahawa komitmen seperti ini adalah komitmen yang berterusan, bukan sesuatu yang boleh dilupakan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa Anxi

Ke-4 di sebuah hotel di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai fokus manifesto BN untuk pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun beliau yang juga Pengerusi Manifesto BN enggan mengulas lanjut.

“Biar tunggu sekejap, nanti

manifesto keluar kita akan tahu lah sebenarnya apa yang terkandung dalam manifesto itu,” katanya.

Abdullah menjelaskan, pihaknya telah pun mengadakan perbincangan di peringkat awal.

“Saya sendiri akan mengada-

■ Lihat muka 5

Perpaduan teras manifesto BN

kan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN bagi mendapatkan pandangan beliau,” katanya tanpa menyatakan bila tarikhnya.

Menurut beliau, kalangan pemimpin parti (kom-

ponen BN) juga akan bertemu bagi membincangkan kandungan manifesto berkenaan.

“Kita akan berbincang supaya kita benar-benar dapat memahami apa-apa visi atau kehendak manifesto yang kemudiannya akan didedahkan kepada rakyat,” katanya.